


PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 8 BILANGAN 1

RABU 9 JANUARY 1963 (13 SHA'ABAN 1382).

PERCHUMA

SELAMAT TAHUN BAHARU 1963:

Titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin berkata dalam titah Baginda bagi menyambut tahun baharu 1963 bahawa dengan menjelang-nya tahun baharu, maka pandangan dan fikiran seseorang di-seluruh dunia akan beredar daripada yang berlaku di-masa yang lampau kepada apa yang akan terjadi di-masa akan datang.

Di-Brunei, titah Baginda, pandangan dan fikiran kita jangan-lah di-tumpukan sa-mata2 kepada hal2 yang telah lalu. Tetapi, yang afdzal di-tumpukan kepada masa hadapan dan bagaimana-kah kita dapat membena sa-sabuah negara yang lebih mewah dan ma'amor berkaitan dengan kejadian2 yang menyedehkan yang berlaku pada bulan lalu.

Selanjut-nya Baginda bertitah, "Ra'ayat beta sekalian Bahawa ini-lah yang benar2 menjadi tugas kewajiban Kerajaan sekarang. Tetapi jika tugas kewajiban ini hendak menchapai kejayaan maka tiap2 ra'ayat mesti-lah memainkan peranan masing2.

Maseh ada lagi orang2 yang enggan menurut titah perintah beta supaya menyerah diri kepada Pasokan2 Keselamatan. Ada sa-bilangan pula yang enggan menyerahkan senjata2 mereka sa-bagaimana yang telah di-perintahkan kepada mereka dan ada pula yang maseh terus mengachau keamanan negeri kita ini. Ada-kah perbuatan2 ini terus di-lakukan kerana mereka itu jahil atau dalam ketakutan. Tidak-kah mereka itu sedar bahawa kerana menentingkan diri mereka sendiri, mereka itu menyebabkan isteri dan anak2 mereka terbiar dalam keadaan susah.

Sa-kali lagi beta menyatakan sikap pengampunan akan menjadi panduan kepada Kerajaan beta. Itu-lah titah perintah beta.

Ada-lah menjadi hasrat beta yang sa-penoh2-nya untuk membolehkan sa-berapa banyak orang2 tahanan tertipu daya yang menentang Kerajaan beta dengan kekerasan dapat di-kembalikan kepada sabak saudara

mereka yang di-kasehi.

Sa-lagi ada gerombolan2 bersenjata yang mengachau di-desa maka sudah tentu mereka itu tidak dapat di-bebaskan.

Beta berseru kepada sekalian penduduk negeri ini yang kasehkan keamanan untuk membantu Pasokan2 Keselamatan sa-berapa daya yang boleh dan bekerjasama dengan Kerajaan beta dalam melaksanakan ranchangan2-nya untuk memulihkan pentadhiran mengurangkan kesusahan memadamkan api penderhakaan dan bersama2 bekerja untuk kemajuan dan kema'moran masa hadapan.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin.

Beta berseru kepada ra'ayat sekalian supaya mendengar Radio Brunei supaya dapat tuan2 dan puan2 sekalian mengetahui dan memahami apakah yang sedang di-lakukan oleh Kerajaan beta untuk mengurangkan kesengsaraan, mengadakan kerja menyusun semula pelajaran dan memperkuat lagi pejabat2 Kerajaan.

Jika tuan2 dan puan2 ada menghadapi sa-barang kesusahan mengadu-lah kepada pegawai2 Kerajaan yang tugas-nya ada-lah untuk memandu dan membantu tuan2 dan puan2 sekalian dengan apa juga chara yang boleh.

Kapada Anggota2 Pasokan Keselamatan yang telah datang atas permintaan beta untuk menghapuskan penderhakaan dan kerana tugas mereka itu, mereka terpaksa bercherai dengan keluarga mereka sendiri pada hari yang amat bersejarah ini beta sampaikan ucapan terima kaseh beta. Moga2 tahun 1963 ini akan memberi mereka keamanan dan kesejahteraan.

Kapada ra'ayat beta sekalian, beta sampaikan ucapan selamat. Sa-kali lagi beta berikrar yang beta akan berkhidmat untuk kebajikan ra'ayat sekalian agar terchapai-lah satu jalan yang damai terhadap masa'alah yang di-hadapi oleh kita sekarang. Moga2 dengan kuasa Allah Subhanahu Wata'ala kita akan berjaya mendirikan satu negara yang mewah dan ma'amor."

Ucapan2 "Selamat Tahun Baharu 1963" daripada Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White dan oleh Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim di-siarkan di-muka 4.

PEPEREKSaan SIJIL SEKOLAH2 MENENGAH INGGERIS 158 ORANG PENUNTUT2 DI-NEGERI BRUNEI LULUS

BANDAR BRUNEI. — Seramai 158 orang penuntut dari 284 orang penuntut di-seluruh Negeri Brunei yang telah masuk peperiksaan Sijil Sekolah Menengah Inggeris bahagian "Junior" telah lulus peperiksaan itu.

Mengikut keputusan yang di-terbitkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Brunei pada lewat petang 2 January, 1963, Sekolah Perempuan Saint Angela Convent, Seria telah mendapat markah tertinggi dalam peperiksaan tersebut.

22 orang penuntut telah mengambil peperiksaan itu dan 21 orang telah lulus.

Jumlah penuntut dari lain2 Sekolah Inggeris yang masuk peperiksaan tersebut dan jumlah penuntut yang lulus adalah seperti di-bawah ini:

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei: 68 orang penuntut masuk peperiksaan dan 23 orang penuntut yang lulus.

Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei: 37 orang penuntut masuk peperiksaan dan 16 orang penuntut yang lulus.

Sekolah Saint Andrews, Bandar Brunei: 28 orang penuntut masuk peperiksaan dan 12 orang penuntut yang lulus.

Sekolah Saint Michael, Seria: 52 orang penuntut masuk peperiksaan dan 45 orang penuntut yang lulus.

Maktab Anthony Abell, Seria: 55 orang penuntut masuk peperiksaan dan 24 orang penuntut yang lulus.

Sekolah Saint Margaret, Seria: 22 orang penuntut masuk peperiksaan dan 17 orang penuntut yang lulus.

Keputusan penuntut2 yang lulus dari tiap2 buah sekolah atau maktab tersebut adalah seperti di-bawah ini:

MAKTAB SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR BRUNEI: Ak. Abd. Rahman (III), Ak. Hassan bin Pg. Damit (II), Ak. Ibrahim bin Pg. Md. Salleh (II), Ak. Md. Yasin bin Pg. Momin (II), Ak. Shahbud-din (III), Ak. Yusof bin Pg. Chuchua (III), Ariffin Alias (III), Asaari bin Hj. Md. Salleh (III), Lai Bun Seng (II), Lim Pang Kit (II), Lionel Keasberry (II), Maidin bin Ahmad (III) Md. Alimin bin Abdul Wahab (III) Mohd. Noor bin Daud (II), Mustapha bin Hj. Abd. Rahman (II), Ong Kai Hock (II), Patrick Bastians (III), Ronald Frank Thomas (III), Sabli Md. Yassin (II), Walter Boyd (III), Yaakub bin Md. Yassin (III), Zainal Abidin Awg. Ladi (III), Eric Keasberry (I).

SEKOLAH TINGGI PEREMPUAN RAJA ISTERI BANDAR BRUNEI: Afsah bte. Mohd. Yusof (III), Shirley

Andrews (I), Chong Kim Yoke (III), Chong Nyuk Len (III), Hajjah bte. Penglima Asgar (II), Halimah bte. Mohd. Yaakub (II), Jan bte. Ghani (III), Lim Beng Guat (III), Masni bte. Ali (II), Ramlah bte. Mohd. Yusof (III), Rukiah bte. Johari (III), Safiah bte. Haji Hassan (III), Siti Hajar bte. Mohd. Yusof (II), Tan Lu Siang (III), Wui Ah Moi (I), Doris Yee Poh Yoke (II).

SEKOLAH SAINT ANDREW'S BANDAR BRUNEI: Chai Chin Nam (III), Ip Kok Sun (III), Lau See King (III), Lim Siew Yong (II), Ling Ai Ming (III), Poong Kim Phin (II), Henry Sim Heng Lee (III), Tan Yee Ching (III), Teo Su Ngee (III), Thein Nyuk Phin (III), James Thien Wee Ming (II), Yong Yu Yun (III).

SEKOLAH SAINT MICHAEL SERIA: Abad Royston (III), Abd. Rahman bin Abd. Hamid (III), B. Ismail bin Pozan (II), Chan Hong Kee (I), Cheng Tien Hsin (II), Foong Ah Ladd (I), Foo Kok Fhoon (II), Foo Juat Min (III), Frank Singh (I), Henry Yeo (II), Jepon bin Madiman (III), Lim Jit Keng (II), Mathew Chong Swee Enn (I), Paul Yan (II), Robert Choy Keng Wai (III), Sebli bin Hassan (II), Tan Kia Liang (II), Tan Kia Seng (III), Ho Ramon Fabian (II), Valentine Wee (II), Wong Sui Hin (II), Yeo Andrew (I), Yong Choi Tat (I), Yong Joon San (III), Busu bin Ahmad (III), Cheong Ming Ching (III), Chin Teck Leong (II), Chua Anthony (III), Han Yen Kwang (III), Ibrahim bin Jalil (III), Lee Poh Meng (II), Lim Charles (III), Leong Kiang Fong (III), Lim Pek Hong (II), Low Stephen (III), Ong Teck Jin (III), Shim Su Onn (II), Tan Kwang Hui (III), Tang Tze Ngek (III), Thong Chee Keong Benedict (I), Abd. Wahab bin Naidi (III), Wee Peng Nam (I), Yee Joseph (II), Yeo Meng Whatt (III), Yang Ah Eng (III).

MAKTAB ANTHONY ABELL SERIA: Abang bin Salleh (III), Abdul Wahab bin Hashim (III), Chan Lai Yong (I), Chan Wee Ming (III), Che Kam Hee (III), Cheong Jak Kim

(III), Chia Seen Lin (II), Da-yangku Noralam binte Pengiran Mohmood (II), Hassan bin A. Bakar (II), Ibrahim bin Momin (III), Ismi bin Hamid (III), Kamis bin Ali Hassan (III), Kong Thien Fui (II), Law Kong Chong (I), Lee Poh Kui (III), Ling Pik Yun (III), Maimunah binte C. A. Mohammad (II), Meludin bin Elim (III), Md. Deli bin Johari (III), Shahbud-din bin O. K. Perwira (III), Teo Eleanor (III), Wong Ah Kheong (III), Yee Bee Lin (III), Zaitun binte Taha (III).

SEKOLAH SAINT ANGELA CONVENT SERIA: Michaelina Cheong Mee Nee (III), Chin Oi Yin (II), Chong Swee Mee (II), Lucy Chung Siew Yin (III), Rose Gimban (III), Amy Foo Ah May (II), Doreen Hiew

Nyuk Lan (I), Juliana Ho Gek Cheng (II), Susana Ho Poh Yin (II), Jinab binte Kadir (III), Lee Kui Kiaw (III), Alice Leong Vui Fong (III), Elizabeth Liew Soon Nyuk (II), Lily Mei Suk Man (I), Jeane Eugene Pereira (III), Elizabeth Phan Nyuk Fong (II), Milena De'Souza Sodder (II), Rosidah binte Sulaiman (III), Rosalind Teo (II), Wong Suoy Nguok (III), Yong Yuet Ngo (III).

SEKOLAH ST. MARGARET SERIA: Adam Dick (II), Chee Michael (III), Chen Ken Leong (III), Chung Jun F (III), Doris Mergie (III), Fong Choi Chang (III), Lucy Lee Siew Hiong (III), Leong Pun Kong (III), Lim Ah Lui (I), Lo Cha Chan (II), Lo Thian Siong (III), Ngui Chiaw Jin (I), Phang Kit Siong (III), Pong Su Khiong (III), Peter Thien Wei Fai (II), Yong Kheng Hui (III), Yong Sheng Hui (III).

DARURAT:

Temburong Puleh Saperti Sediakala

BANGAR. — Keadaan di-Daerah Temburong yang telah bertukar menjadi sa-buah daerah yang paling burok sa-kali, akibat dari keadaan darurat, sekarang telah puleh saperti sediakala.

Langkah2 yang chepat telah di-laksanakan oleh pihak Kerajaan dalam usaha menyusun perbantuan berupa makanan dan wang yang telah di-berikan kepada semua penduduk yang memerlukan di-daerah itu.

Perbantuan juga di-beri kepada orang2 yang tinggal di-kawasan2 di-mana sa-bahagian besar dari kaum lelaki-nya telah meninggalkan kampong2 dan yang belum lagi kembali sehingga ka-hari ini.

Perempuan2 dan kanak2 dari kawasan pedalaman itu telah di-pindahkan sa-mula ka-kawasan Pekan Bangar yang di-lindongi oleh pihak Kerajaan.

Perbantuan berupa wang juga di-beri kepada pekerja2 ladang, nelayan dan pekerja2 kayu serta kepada petani2 yang tidak dapat bekerja di-sebabkan gerakan pasokan2 keselamatan.

Baharu2 ini sa-bahagian besar daripada penureh2 getah dan nelayan telah dapat meneruskan semula mata pencharian mereka

saperti sediakala, meskipun sa-bahagian di-antara-nya tid' membuat sademikian.

Sementara itu Perihidmatan2 Kesehatan dan Perubatan telah berjalan semula di-Pekan Bangar. Jurutera2 Tentera serta Jabatan Kerja Raya juga telah memulakan kerja2 mereka di-jalan2 raya dari Bangar ka-Pandaruan.

Pelayaran Kapal Haji

BANDAR BRUNEI. — Pelayaran pertama "Kapal Haji" iaitu, kapal "Kuala Lumpur" dari Singapura dan lain2 pelabuhan ka-Jeddah ada-lah saperti di-bawah ini:

Belayar dari Singapura pada 20 January, Port Swettenham pada 21 January, Pulau Pinang pada 22 January dan dari Edan pada 2 February.

Kapal tersebut akan tiba di-Jeddah pada 5 February.

Duli Yang Maha Mulia Tersangat Dukachita Terhadap Kejadian2 Rusohan Di-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin berkata dalam titah Baginda yang pertama menerusi Radio Brunei pada hari Sabtu 8 Desember, 1962 sa-telah berlaku penderhakaan di-negeri ini, bahawa Baginda tersangat berdukachita di-atas kejadian2 rusohan yang telah berlaku pada hari tersebut, dalam mana orang2 yang bersenjata telah menchuba merampas kuasa dalam Negeri Brunei.

Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa Baginda telah di-beri faham ia-itu di-dalam rusohan itu beberapa orang telah di-tembak mati dan beberapa orang lagi telah di-tahan oleh Pulis.

Dalam titah tersebut Duli Yang Maha Mulia berkata: "Beta telah di-beri perhaya bahawa orang2 yang membuat rusohan ini telah melawan Kerajaan Beta dengan nama tentera Nasional Kalimantan Utara"—tentera ini ia-lah tentera yang haram di-sisi Undang2 dan orang2 yang mengambil bagian di-dalam tentera ini atau pun membantu, atau pun bersubahat dengan mereka itu adalah melakukan kesalahan yang besar yang boleh di-hukom dengan berat-nya.

"Tujuan tentera ini bukan-lah lain daripada merampas kuasa Kerajaan Beta. Ini ada-lah perbuatan yang bukan sahaja ditegah oleh Undang2, tetapi juga di-kutok oleh Tuhan. Beta ketahui siapa yang bertanggung jawab berkenaan dengan rusohan ini dengan mendirikan tentera haram", titah Baginda.

Selanjut-nya Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan beritah: "Oleh yang demikian, Kerajaan terpaksa bertindak dengan sa-keras2-nya untuk menamatkan perbuatan yang amat2 kejam untuk keselamatan rakyat seluruh-nya, dan orang2 yang menga-mat perbuatan ini maka terpaksa-lah Kerajaan akan menghukom dengan berat-nya mengikut Undang2."

Duli Yang Maha Mulia menerangkan bahawa penganjur2 yang melakukan penderhakaan itu telah membuat da'ayah yang palsu dan dusta dengan mengatakan bahawa Tentera Nasional Kalimantan Utara itu telah mendapat sokongan daripada Baginda.

"Ini ada-lah palsu belaka. Sebagaimana Beta di-beri perhaya tujuan mereka ia-lah untuk merampas kuasa dan bersinipat dengan perbuatan2 yang sangat2 tidak di-ingini", Titah Baginda.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan menyuruh kepada rakyat yang ta'at setia kepada Baginda, Pehin2, Pegawai2 Kerajaan dan sekalian rakyat yang cinta kepada keamanan, keselamatan dan kema-muhan negeri ini sa-bagai Negeri Melayu yang me-

Ugama Negara, supaya mereka memberi sa-penoh2 kerjasama kepada Kerajaan bagi memperoleh sa-mula kebahagiaan dan kesentosaan Negeri Brunei Darus Salam.

Penduduk2 Kampung Sungai Kedayan "A" Menyembah Uchapan Ta'at Setia Kapada Duli Yang Maha Mulia

KAMPONG SUNGAI KEDAYAN.—Penduduk2 di-Kampung Sungai Kedayan "A" telah mengambil keputusan untuk menyembahkan ucapan ta'at setia mereka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Keputusan tersebut telah di-umumkan dalam satu mesyuarat yang telah di-adakan di-rumah Ketua Kampung Sungai Kedayan "A", Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Setia Haji Mohamed Taha pada malam 3 January.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana telah memimpin mesyuarat tersebut. Kira2 300 orang telah hadir di-majlis mesyuarat itu, di-antara-nya ia-lah beberapa orang Ketua Kampung dari kampung2 yang lain dan sa-orang Pegawai Keaman-

Penduduk2 Kampung2 Di-Berakas Ikrar Ta'at Setia Kapada Baginda

BERAKAS. — Penduduk2 di-Kampung2 Lambak, Terunjung, Pulaie dan Batu Lima, Berakas telah menyembahkan ikrar ta'at setia mereka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, melalui Penghulu Kampung Berakas, Dato Maha Wangsa Haji Sulaiman bin Haji Minuddin.

Kandungan surat tersebut ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

"Dengan nama Allah yang pengasih lagi penyayang. Ampon Tuanku beribu2 ampon, sembah patek harap di-ampon.

"Patek, atas nama penduduk2 di-Kampung2 Lambak, Terunjung, Pulaie dan Batu Lima, Berakas mengucapkan selamat kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri Brunei serta keluarga Baginda dan pada anjakan penderhakaan yang berlaku pada 8 Desember 1962 yang telah berlaku di-Negeri Brunei.

"Patek, atas nama penduduk2 di-Kampung2 Lambak, Terunjung, Pulaie dan Batu Lima, Berakas mengucapkan selamat kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri Brunei serta keluarga Baginda dan pada anjakan penderhakaan yang berlaku pada 8 Desember 1962 yang telah berlaku di-Negeri Brunei.

Penuntut2 Brunei Ka-lpoh

BANDAR BRUNEI. Enam orang penuntut2 dari Sekolah2 Melayu dalam negeri ini telah di-pilih untuk belajar di-Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak, Persekutuan Tanah Melayu.

Penuntut2 itu ia-lah seperti di-bawah ini:

Abu Bakar bin Tengah dan Awangku Othman bin Ampuan Sulaiman dari Sekolah Melayu Berakas.

Kalong bin Safar dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Abdullah bin Lampoh dari Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Mohamed Deli bin Bakar dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Mohamed Zaini bin Eoy dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendira, Tutong.

KA-KOTA BHARU

BANDAR BRUNEI. — Penuntut2 yang di-bawah ini telah berjaya di-pilih untuk belajar di-Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan, Persekutuan Tanah Melayu.

Awangku Shahbudin bin Pengiran Haji Tengah dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Afsah binti Mohamed Yusof dan Rokiah binti Johari dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei.

Mohamed Hassan bin Bakar, Ibrahim bin Momin, Abang bin Mohamed Salleh, Ismi bin Hamid dan Maimunah binti Mohamed dari Maktab Anthony Abell, Seria.

ANEKA WARNA Sekolah Saint Andrews

BANDAR BRUNEI. Sekolah Inggeris Saint Andrews, Bandar Brunei akan mengadakan satu temasha "Malam Anika Warna" di-Pangpong Boon Pang Baharu pada 17 January mulai dari pukul 7.30 malam.

Persembahan tersebut akan di-adakan di-bawah naungan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Yang Terutama, Sir Dennis White.

Tujuan mengadakan persembahan itu ia-lah untuk membantu derma bangunan baharu Sekolah Inggeris tersebut.

UCHAPAN2 SELAMAT TAHUN BAHARU:

Daripada Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris Di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White berkata dalam ucapan beliau bagi menyambut Tahun Baharu 1963 bahawa ucapan, "SELAMAT TAHUN BAHARU" itu pada hari Thalatha 1 January, 1963 mempunyai erti yang lebeh mendalam lagi bagi "kita yang tinggal di-Brunei" daripada tahun2 yang sudah.

Beliau berkata lagi, "Persoalan yang tiap2 sa-orang dari kita mesti menanya pada diri kita masing2 ada-lah, apa-kah yang kita boleh buat untuk mengikis awan yang gelap yang menyelubongi penderhakaan ini dan membawa balek sinar keamanan?".

Seterusnya Sir Dennis White berkata dalam ucapan tersebut, "Ada-lah benar kerana menyebut seruan meminta bantuan dari Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan tentera Baginda Queen telah datang menolong anggota Polis Brunei untuk meleborkan penderhakaan; ini ada-lah terharat kepada Britain di-dalam perjanjian, dan, saya sebagai Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi British sangat merasa bangga melihatkan chara2 mereka menjalankan tugas mereka; tetapi, walau pun Pasokan Keselamatan boleh memulehkan undang2 dan atoran2, mereka tidak-lah boleh mengembalikan ketenteraman dalam negeri itu.

HANYA ORANG2 BRUNEI SENDIRI YANG

Hanya-lah orang2 Brunei sendiri yang boleh mengubati kechachatan yang berlaku di-masa penderhakaan dan melemparkan pahit kesan dari perkelaahan itu dari jiwa semua ra'ayat.

Ada-lah menjadi tanggungjawab kita untuk mengembalikan keamanan. Di-dalam satu2 pemberontakan tidak ada yang menang dan tidak ada yang kalah; kita mesti-lah bersukacita kerana undang2 dan atoran2 kembali semula tetapi kita hendak-lah menyesali yang undang2 dan atoran2 telah terpaksa hilang.

Orang2 yang telah terhasut oleh ranchangan orang2 yang jahat ada-lah lebeh patut di-kasehani. Mereka hendak-lah dibawa balek kepada keadaan ta'at setia mereka dan di-tolong untuk menjadi sa-orang warga negara yang berguna.

Kita mesti hapuskan perasaan tidak puas hati, hapuskan sangsara dan mengembalikan ketenteraman yang kita telah kehilangan.

Tiap2 sa-orang ra'ayat Brunei yang chintakan tanah ayer-nya, lelaki, perempuan atau kanak2 mesti-lah meminta membaharui ta'at setia mereka kepada Duli Yang Maha Mulia dan bekerja untuk menyatu-padukan dan memberi ketenteraman kepada negeri ini.

Tidak ada tempat untuk menempatkan orang yang mementingkan diri-nya, orang yang malas atau pun orang yang mengangkat diri-nya, jika kita ingin melihat tahun Baharu ini akan memberi kebahagiaan kepada kita di-Brunei."

Oleh Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Brunei

BANDAR BRUNEI. — "Saya berdo'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala moga2 tahun 1963 akan memberi kita kebahagiaan dan ke-amanan". Demikian kata Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dalam ucapan menyambut lahir-nya tahun yang baharu ini.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf seterusnya berkata, "Dalam ucapan Hari Raya Krismas yang telah menjadi keladzman kepada Baginda sekarang, kepada ra'ayat di-seluruh Commonwealth tahun ini, yang mana telah kita siarkan pada jam 7.00 petang pada 25 Desember Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah beruchap mengenai Telstar, bintang buatan manusia yang boleh memberi perhubungan, yang baginda telah mensifatkan sa-bagai tumpuan berjuta2 mata yang tidak nyata.

Dalam ucapan Hari Raya Krismas baginda juga telah beruchap mengenai satu bintang yang berlainan—bintang yang hampir2 2000 tahun dahulu, yang telah memandu tiga manusia yang bijaksana dengan membawa persembahan bau2an, emas dan mur ka-salah satu kandang kuda di-Bethlehem.

Kita juga bersama2 baginda dengan harapan bahawa panduan yang di-beri oleh bintang buatan manusia itu juga akan memandu kita ka-jalan yang bijaksana dan membawa kita kepada keamanan dan juga perasaan saling mengerti antara sa-sama manusia walau di-mana2 pun.

Bekas pemberontakan yang baru lalu itu maseh lagi menyelubongi penghidupan kita. Penderhakaan ini telah memberi

tiap2 sa-orang dari kita perasaan yang sentiasa bimbang. Penderhakaan telah meninggalkan bekas kepada ser ra'ayat — ia-itu kesengsaraan dan dalam perjalanan-nya ia telah meninggalkan bekas yang akan mengharukan kita ya akan terchatit dalam sejarah Negeri Brunei.

Perasaan yang menghurharakan yang timbul dari penderhakaan itu sa-harus-nya akan membuat kita berazam sa-benar2-nya untuk mendapatkan persahabatan yang istimewa antara kita semua — persahabatan yang di-asaskan di-atas chintakan keamanan. Moga2 kita akan dapat melihat kaha-dapan kepada satu tahun yang akan membawa kemajuan yang terus menerus dan yang akan membawa kepada penghidupan yang lebeh baik kepada kita semua.

Semua kaki-tangan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan bersama saya dalam menyampaikan ucapan kami yang ju supaya tahun 1963 akan membawa kita kebahagiaan dan keamanan dan moga2 kita akan mengambil keputusan untuk bekerjasama dengan keadaan yang harmonic dan juga bekerja sama dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk mendapatkan keamanan dan perasaan saling mengerti antara satu sama lain."

Peraduan Bacaan Al-Koran Daerah Brunei Dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Peraduan membaca Kitab Suchi Al-Koran untuk memilih kari2 dari Daerah Brunei dan Muara yang akan mewakili daerah ini ka-peraduan akhir bacaan Al-Koran bagi seluruh Negeri Brunei akan di-adakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar pada hari Juma'at 18 January dan hari Ahad 20 January.

Peraduan tersebut akan di-

adakan di-bawah anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei dan di-kelolakan bersama oleh Pejabat Kadhi Daerah Brunei dan Muara serta Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Peraduan tersebut ada-lah terbuka kepada ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan di-bahagikan kepada bahagian2 lelaki dewasa, perem-

puan dewasa, kanak2 lelaki dan kanak2 perempuan.

Kari2 yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut di-minta menghantarkan permohonan masing2 tidak lewat dari 12 January kepada Setia Usaha peraduan tersebut, Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar di-Pejabat Kadhi Besar, Brunei.

LEBEH DARI 100 ORANG DAPAT BANTUAN KERAJAAN

SERIA. — Lebeh dari 100 orang keluarga di-Seria dan Belait telah menerima perbantuan berupa makanan dan barang2 pada pagi 4 January.

Kerajaan Brunei telah pun mengambil langkah yang lain untuk memberi perbantuan kepada orang2 yang tidak dapat bekerja sa-bagai mata pencaharian hidup-nya di-sebabkan darurat, atau pun kerana mereka tidak boleh bekerja.

KERJA 2 KOSONG

Jawatan Pegawai Latehan Pertadbiran Brunei

Permohonan2 adalah di-jemput dari chalon2 Melayu yang di-peranakkan di-Brunei serta menjadi ra'ayat Sultan dan siapa yang mempunyai "Overseas School Certificate" atau darjah yang serupa untuk di-lantek menjadi Pegawai Latehan Pertadbiran Brunei.

Chalon2 mesti-lah mencapai umur yang ke-delapan belas tahun dan tidak boleh lebeh dari 27 tahun.

Tingkatan gaji: Cadets—\$290-310-330. Time scale Grade II—\$580x30-940. Time scale Grade I—\$1000x40-1360.

Pemohon2 yang di-pilih akan lantek sechra perhubungan ama tiga tahun. Sebelum di-tetapkan di-dalam jawatan mereka, chalon2 adalah di-kehendaki lulus peperiksaan2 yang tentu dalam Undang2 dan "General Orders."

Permohonan2 daripada Pegawai2 yang sedang berkhidmat mesti-lah di-kirim melalui Ketua Pejabat masing2. Sampol surat yang berisi permohonan mesti-lah bertanda "Permohonan bagi B. A. S." di-atas sebelah kiri sampol. Salinan2 Sijil dan Surat Akuan sahaja yang mesti di-sertakan.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak wat dari 11 February, 1963.

Jururawat Jururawat Perchubaaan

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat Sultan atau siapa berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan bagi jawatan sebagai Jururawat2 Perchubaaan di-Pejabat Perubatan, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah telah mencapai umur 18 tahun tetapi belum lagi meningkat ka-umur 25 tahun, dan mesti sehat tuboh badan-nya.

Pemohon2 yang lulus sekurang2-nya Form III dalam Sekolah Inggeris atau darjah2 yang bersamaan akan di-pertimbangkan.

Tingkatan gaji ada-lah saperti di-bawah ini: Jururawat Perchubaaan — \$183x7-211-220x10-240. Gaji permulaan akan bergantung di-atas kelulusan sekolah.

Jururawat Terlateh — \$350-370-380.

Pemohon2 yang di-pilih akan di-lantek sechra perhubungan selama tiga tahun dan mesti memperoleh Sijil sebagai sa-orang Jururawat Terlateh sebelum tamat tempoh perhubungan itu.

Kursus latehan akan di-ator-

MERBUT

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan kosong sebagai Merbut untuk Masjid Seria.

Gaji: Dalam Tingkatan Gaji U-1 \$152-156x4-192x8-232.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 seperti di-bawah ini sahaja akan di-pertimbangkan:—

(a) Umur antara 20-45 tahun.

(b) Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat D. Y. M. M. Sultan Brunei.

(c) Bersedia untuk di-pereksa serba-sedikit dalam pengetahuan Ugama Islam.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan Brunei mesti-lah di-hantar kepada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 31 January, 1963.

Merinyu Kesehatan Perchubaaan di-Jabatan Perubatan Brunei

Permohonan2 adalah di-jemput bagi jawatan2 Merinyu Kesehatan Perchubaaan di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah berumur sekurang2-nya 18 tahun tetapi tidak lebeh dari 25 tahun, dari ra'ayat2 Sultan Brunei dan mesti-lah tegap tuboh badan-nya. Mereka mesti-lah lulus Peperiksaan "Overseas School Certificate" dengan mendapat kepujian (credit) dalam bahasa Inggeris, dan sama ada dalam Ilmu Sain atau pun "General Science". Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang dapat menulis dan bertutor dalam bahasa Melayu.

Gaji: Dalam tingkatan rendah D (b) 3-4 \$240-250-260-280.

Pemohon2 yang terpilih akan di-lantek sechra perhubungan selama tiga tahun dan mesti memperoleh Sijil "Royal Society" bagi memajukan Kesehatan sebelum tammat tempoh perhubungan itu.

Satu kursus pelajaran akan di-atornkan bagi pelateh2 sama ada di-Singapura atau pun di-Malaya untuk membolehkan mereka mendapat sijil tersebut.

Bayaraan2 sekolah dan pepereksaan akan di-bayar oleh Kerajaan.

Pelateh2 yang mengambil kursus latehan ini akan di-beri tempat kediaman perchubaaan atau pun alaon rumah bersama dengan alaon2 sara hidup dan perjalanan mengikut kadar yang di-benarkan oleh Kerajaan dari semasa ka-semasa.

Pelateh2 yang gagal memperoleh Sijil "Royal Society" bagi Memajukan Kesehatan buat kali yang pertama mungkin di-benarkan mengambil kursus itu buat kali yang kedua. Kelebehan ini akan di-benarkan untuk selama satu kali atau lebeh mengikut sokongan daripada Ketua Pejabat mereka.

Permohonan2 yang mana mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 16 February, 1963.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

PEMANDU KERETA

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan Drebar Tingkatan II di-dalam Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu kereta.

Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak menjadi ra'ayat Sultan Brunei.

Chalon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebeh dari 50 tahun.

Chalon2 yang berjaya mesti-lah boleh membawa kereta2 ambulance, land-rover, truck dan van.

Pemohon2 mesti-lah bersedia menjalankan tugas siang atau malam di-dalam mana2 daerah di-Negeri Brunei.

Sukatan gaji ia-lah: F.5-6 \$180x4-200 sa-bulan.

Chalon2 yang di-pilih akan berkhidmat dalam perchubaaan selama 3 tahun. Semasa dalam perchubaaan, sekira-nya perkhidmatan-nya di-dapati memuaskan dan di-sokong oleh Ketua Jabatan, lantekan-nya akan di-tetapkan. Kalau tidak, ia-nya akan di-berhentikan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 11 February, 1963.

KERJASAMA ORANG RAMAI DI-KEHENDAKKI

Beri-lah Ma'lumat kepada Kerajaan

Berkeaan Dengan Saki-Baki Penderhaka2

SIARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA BRUNEI: Jikalau Sa-saorang Ra'ayat Brunei Terkorban Dalam Penderhakaan Ber-erti

BANDAR BRUNEI. — "Sedar-lah.....I n g a t-lah.....sa-saorang ra'ayat Brunei yang terkorban dalam penderhakaan yang di-kutok Allah itu bererti akan mengurangkan tenaga dan kekuatan Negeri Brunei—negeri tuan2 sendiri itu, kerana hanya Negeri Brunei yang kechil ini-lah sahaja negeri kita.....". Demikian bunyi satu siaran oleh Jabatan Hal Ehwat Ugama, Brunei yang di-bachakan oleh saorang Wakil jabatan itu melalui Radio Brunei baharu2 ini.

Siaran tersebut yang di-tujukan khas kapada kaum Muslimin di-seluruh Negeri Brunei berkata antara-nya lagi bahawa wahai sekalian hamba Allah, hendak-lah mereka sentiasa bertakwa kapada Allah dan hendak-lah mereka ta'at kapada Allah dan kapada rasul serta mengikut titah perintah Kerajaan yang memerintah mereka dan bertaubat-lah kapada Allah. Sesungguh-nya Tuhan mengasehi hamba2-nya yang Bertaubat daripada kesalahan dan membersehhkan diri mereka daripada kemungkaran dan kejahatan.

Seterus-nya siaran tersebut berbunyi, "Tuhan berperman di-dalam Al-Quran demi masa sesungguh-nya manusia itu sentiasa berada di-dalam kerugian, kechuali kapada mereka yang beriman dan beramal saleh dan berpesan2 dengan kebenaran dan berpesan2 dengan kesabaran dan ketabahan.

TANDA KESHUKORAN

Tuan2 kaum Muslimin yang di-hormati sekalian, mari-lah kita bersama2 menadahkan tangan kehadrat Allah Subhanahu-Watalla, ia-itu sabagai tanda keshukoran dan terima kaseh kita kapada-nya yang telah menyelamatkan kita daripada mala petaka yang telah menimpa ke-atas kita dan ka-atas Negara kita Brunei Darus Salam yang di-chintai ini, mari-lah kita bershukor dan berterima kaseh kapada-nya yang telah mengembalikan semula keamanan Negeri kita ini, ia-itu setelah kita mengalami azab sengsara yang di-lakukan oleh sabahagian daripada manusia yang tidak bertanggung jawab terhadap keamanan dan kemakmoran Negeri ini serta kebahagiaan tuan2 sendiri.

Memang-lah pada mula-nya tidak dapat di-duga dan di-sangka bahawa Negara Brunei yang telah termashor dan dikenai dunia sabagai sa-buah Negara yang aman damai dan makmor dengan penduduk2-nya yang sentiasa bekerjasama telah bertukar churak menjadi sa-buah Negara medan pertam- poran dan pengaliran darah yang menjadikan penduduk2 berpe- chah belah di-antara anak de- ngan bapa, di-antara abang de- ngan adek, antara saudara de- ngan saudara, tetapi bukan ini sahaja, malah ribuan anak yang tidak berdosa telah menjadi yatim piatu kehilangan ayah mereka yang mereka chintai, ayah tempat menggantungkan

hidup mereka buat masa depan, kerana perbuatan penderhakaan yang sia2 yang hanya mengikut kemahuan nafsu itu ratusan isteri2 telah kehilangan suami yang mereka chintai, suami tempat menggantungkan hidup mereka.

Tuan2 kaum Muslimin yang di-kasehi, untok menjaga dan mengembalikan keamanan dan kemakmoran Negeri ini yang telah di-hanchor leborkan oleh Penderhakaan2 yang tidak bertanggung jawab itu, maka sabagaimana yang telah tuan ketahui Kerajaan telah men- gadakan undang2 Dzarurat bagi Negeri ini, oleh kerana undang2 Dzarurat dan berkurong itu telah berjalan kuat kuasa- nya sejak penderhakaan itu meletus, maka banyak di-antara ra'ayat Negeri ini menjalankan pekerjaan dan perniagaan mereka sendiri telah tidak dapat di-jalankan dengan sa-baik2-nya, banyak nelayan2 yang hanya menggantungkan sara hidup mereka samata2 kapada penan- kapian ikan telah tidak dapat menjalankan pekerjaan mereka itu.

MATA PENCHARIAN ANAK NEGERI

Sejak meletus-nya Penderha- kaan itu banyak di-antara pekebun2 di-negeri ini tidak dapat menjual hasil2 kebun mereka, sa-mata2 oleh kerana di-sebabkan perbuatan durjana itu. Dan banyak lagi pekerjaan2 yang menjadi mata pencharian anak negeri ini telah tidak dapat di-jalankan. Yang mana dengan jalan hal yang demikian eko- nomi negeri ini terutama yang di-pegang oleh orang2 Melayu yang telah merusut dengan serta merta, dan mungkin juga bebe- rapa ranchangan kemajuan bagi negeri ini yang telah dan akan di-ranchangkan oleh Kerajaan tidak dapat di-jalankan sa- bagaimana yang sa-patut-nya sa-

mata2 menghadapi dan mem- perbelanjai keadaan yang ada sekarang ini.

Tuan2 kaum Muslimin yang di-hormati sekalian, segala kesu- sahan dan penderitaan yang di- sebutkan di-atas tadi ia-lah sa- mata2 di-sebabkan oleh perbuat- an penderhakaan yang di-kutok dan tidak di-redzai Allah saba- gaimana perman-nya di-dalam Quran yang erti-nya sesungguh- nya Tohan tidak-lah mengingini orang2 yang melakukan kerosa- kan atau kebinasaan di-bumi Tohan ini.

Tuan2 sekalian buat masa ini tidak-lah payah lagi kita mem- balek lambaran perestewa yang menyedihkan itu kerana semua- nya itu akan mengembalikan perasaan sedeh kita jua. Maka apa yang patut kita buat seka- rang ini ia-lah mengembalikan keamanan, kemakmoran Negeri Brunei ini saperti sedia kala.

BERIKAN-LAH KERJASAMA KAPADA KERAJAAN

Mari-lah kita bersama2 me- ngembalikan persatuan dan perpaduan untok kebaikan, kea- manan dan kemakmoran sa- negeri ini untok kita dan untok keturunan kita pada masa yang akan datang. Berikan-lah kerja- sama tuan2 kapada Kerajaan tuan2 sendiri sabagaimana yang telah tuan2 berikan sebelum terjadi-nya penderhakaan yang di-kutok oleh Allah itu.

TANGGONG JAWAB MASING2

Mari-lah kita kembali memeg- ang tanggung jawab kita masing2 demi untok kesejah- teraan dan kesentosaan Negeri Brunei negeri kita yang kita chinta ini.

Ingat-lah Kerajaan ada-lah bertanggung jawab kapada ra'ayat-nya ayah dan ibu ada- lah bertanggung jawab kapada anak2-nya dan begitu-lah sete- rus-nya sabagai-mana sebda Rasulullah Alaihi Wassalam yang Melayu-nya kira2 bererti tiap2 kamu ada-lah penjaga dan tiap2 penjaga ada bertanggung jawab kapada orang di-jaga-nya dan perman Tuhan pula di-da- lam Quran yang kira2 Bahasa Melayu-nya selamatkan-lah diri kamu dan ahli2 kamu daripada api Neraka.

BERTAUBAT-LAH WAHAI ORANG2 YANG MASEH BERDEGIL

Kapada mereka yang maseh berdegil dan mahu meneruskan penderhakaan itu, bertaubat-lah jangan-lah di-teruskan perju- angan yang sia2 itu, letakkan-lah senjata tuan2, ingat-lah kapada anak2 isteri tuan2 yang sentiasa mengharapkan kaseh dan perlin- dongan hidup mereka daripada tuan2.

Bertaubat-lah kapada All^h sabagaimana perman-nya ya kira2 erti-nya Wahai orang2 yang beriman bertaubat-lah kamu kapada Allah dengan sebenar2 taubat.

Tuan2 kaum Muslimin yang di-kasehi sekalian, sedar dan ingat-lah bahawa sa-saorang ra'ayat Brunei yang terkorban dalam penderhakaan yang di- kutok Allah itu bererti akan mengurangkan tenaga dan ke- kuat Negeri Brunei negeri tuan2 sendiri ini, kerana hanya Brunei yang kechil ini-lah sahaja negeri kita, ra'ayat yang ber- jumlah lapan puloh lima ribu ini-lah ra'ayat kita, maka mari-lah kita sama2 memelihara ketenteraman dan kebahagiaan ra'ayat kita yang kechil itu.

BERSATU PADU BERGOTONG ROYON BERKERJASAMA

Mari-lah dengan bilang- kita yang hanya lapan pu- lima ribu itu kita bersatu padu, bekerjasama, bergotong royong mengembalikan keamanan dan kemakmoran negeri ini, bersatu tegoh—bercherah kita runtuh. Tinggalkan-lah keroh ambil-lah yang jerneh. Mari-lah kita kembali keperbadian bangsa kita sendiri bangsa Melayu yang terkenal dengan sopan santun- nya yang tinggi dan terpuji."

PENGUMUMAN KAPADA IMAM2

BANDAR BRUNEI. — Me- nurut satu siaran dari Jabatan Hal Ehwat Ugama Negeri Brunei, semua Imam2 di-seluruh negeri ini ada-lah di-minta membacha Do'a Kunut pada tiap2 waktu sembahyang.

Imam2 itu ada-lah juga di- minta mengadakan Sembah- yang Hajat pada tiap2 fardhu sembahyang Juma'at di-mesjid masing2 dan berdo'a supaya memulehkan keamanan dan ketenteraman di-seluruh negeri ini saperti sediakala.

PARTY PERJUANGAN RA'AYAT BRUNEI Mengutok Azahari Kerana Menimbulkan Penderhakaan Di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Party Perjuangan Ra'ayat Brunei telah mengutok pemimpin Partai Ra'ayat Brunei yang di-haramkan itu, A. M. Azahari kerana menimbulkan satu penderhakaan yang telah menjerumuskan Negeri Brunei ka-dalam satu pertemporan senjata dan pertumpahan darah.

Dalam satu kenyataan, Yang Borneo Utara. Dipertua, Party Perjuangan Dalam perhubungan Azahari Ra'ayat Brunei, Inche Matersad untuk mencapai maksud-nya Marsal berkata bahawa tujuan itu, ia telah merancangkan utama Azahari mengendalikan Kerajaan untuk menggulingkan penderhakaan itu ada-lah semata2 untuk menjadikan diri-nya sendiri sa-bagai Presiden di-

tan. Ini ada-lah satu langkah pengkhianat yang tidak dapat di-ampunkan.

Maka dengan itu, Party Perjuangan Ra'ayat Brunei menyuar kapada pertubohan2 politik di-luar negeri, jangan-lah memberikan sebarang semangat atau pertolongan kapada Azahari.

Pertubohan2 politik di-luar negeri yang bertimbang-rasa dengan gerakan Azahari, kata kenyataan tersebut, semata2 tidak mengetahui bagaimana penge-

chut-nya Azahari yang telah memaksa dan mehipu ra'ayat menjadi penderhaka.

Party Perjuangan Ra'ayat Brunei kemudian-nya telah menyatakan sa-kali lagi ta'at setia-nya yang tidak berbelah bagi ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Ahli2 Party Perjuangan Ra'ayat Brunei, kata lagi kenyataan tersebut bersedia mena-warkan diri untuk mempertahankan kedaulatan Kerajaan Brunei Darus Salam.

Seruan Kapada Orang Ramai Yang Ta'at Setia Kapada Duli Yang Maha Mulia

BANDAR BRUNEI. — Orang ramai yang ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Negeri Brunei ada-lah di-kehendakki mem-beri kerjasama kapada Kerajaan Brunei dengan chara memberi tahu kapada pihak Pulis atau Tentera di-mana juga berada-nya saki-baki penderhaka2 itu.

Maka dengan chara tersebut, bererti-lah bahawa mereka membantu Kerajaan bagi me-mulehkan ketenteraman dan kema'moran dalam negeri ini.

Barang siapa juga yang di-dapati memberi bantuan kapada saki-baki penderhaka2 itu, dengan chara melindungi mereka umpama-nya menerima mereka

itu tinggal bersembunyi di-rumah, memberi makanan, pakaian dan sa-bagai-nya, ada-lah menjadi satu kesalahan yang besar.

Orang ramai yang melakukan perbuatan tersebut, boleh dikenakan hukuman di-bawah Undang2 Darurat dengan hukuman penjara yang sa-berat2-nya.

Oleh itu, orang ramai yang ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan negeri ini ada-lah di-minta

dengan seberapa boleh bekerjasama bagi menghapuskan saki-baki penderhaka2 yang maseh berkeliaran itu supaya negeri ini mencapai keamanan dengan seberapa segera yang boleh.

Jika sakira-nya barang sesiapa mendapat tahu tempat2 saki-baki penderhaka2 itu, silalah memberi tahu dengan seberapa segera kapada pihak Pulis atau Tentera dan nama mereka yang memberi ma'lumat itu akan di-rahsiaikan kelak.

Saudagar2 China Di-Daerah Belait Sentiasa Ta'at Setia Kapada Duli Yang Maha Mulia

KUALA BELAIT. — Saudagar2 China di-Daerah Belait telah membuat ikrar bahawa Kaum China di-erah itu akan sentiasa menumpukan ta'at setia mereka kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sa-bagai mana yang mereka telah ta'at setia kapada Ba-

nda semenjak masa yang lalu. Dalam satu surat yang di-tan-da tangani oleh wakil2 dari enam buah persatuan2 perdaga-

ngan China di-Daerah Belait, wakil2 itu menegaskan bahawa mereka berasa benchi terhadap

perbuatan penderhakaan yang di-lakukam di-Negeri Brunei baharu2 ini.

Sungguh pun keadaan yang sedeh telah berlaku sa-jama beberapa hari baharu2 ini, Kaum China di-Daerah Belait, tidak lupa berdo'a kapada Allah Yang Maha Asa supaya mem-beri keselamatan kapada Duli

Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Kerabat Diraja dan Kerajaan Baginda.

Surat itu menambah-kata ba-hawa, kaum China di-Daerah Belait telah membuat Negeri Brunei sa-bagai negeri kediaman mereka dan mereka ada-lah ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia dan Negeri Brunei.

Keputusan2 Mukamat Pertandingan Akhir Bola Sepak Sekolah2 Seluruh Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan2 akhir bola sepak sekolah2 seluruh Negeri Brunei, Bahagian2 "A" dan "B" yang telah di-jadual hendak di-langsungkan di-sini pada 10 Desember tahun lepas telah tidak dapat di-jalankan. Perkara ini ia-lah di-sebabkan berlaku-nya penderhakaan di-negeri ini.

Dalam pertandingan akhir bola sepak sekolah2 Bahagian "A" Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam di-jadual melawan Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru.

Dalam pertandingan akhir bola sepak sekolah2 Bahagian "B" pula Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait di-jadual melawan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Terlebih dahulu pertandi-ngan2 akhir bola sepak Baha-gian "A" dan Bahagian "B" telah di-langsungkan di-padang

Sekolah Melayu Sultan Muham-mad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada 28 November, 1962.

Oleh kerana hujan telah turun dengan lebat pada masa pertandingan sedang di-jalan-kan, maka pertandingan2 akhir itu telah di-batalkan dan di-jadual di-adakan sa-mula pada 10 Desember. Pertandingan2 pada tarikh itu pun telah tidak dapat di-jalankan sa-bagaimana terma'lom.

Pada masa sekarang semua Sekolah Melayu dan Inggeris

kepunyaan Kerajaan Brunei di-tutup dan akan di-buka sa-lepas chuti, mungkin pada 4 March, 1963.

Sementara itu, menurut berita yang di-sahkan oleh Pemangku Pegawai Pelajaran Negara Brunei sekolah2 yang berjaya mengambil bahagian dalam pertandingan akhir bola sepak Bahagian2 "A" dan "B" akan memegang perisai2 rebutan ke-johanan sa-lama enam bulan bergilir2 seperti di-bawah ini:

Bahagian "A": Sekolah Me-layu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei — dari January hingga June, 1963. Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru — dari July hingga Desember, 1963.

Bahagian "B": Sekolah Me-layu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dari January hingga June,

1963. Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong — dari July hingga Desember, 1963.

Perisai2 rebutan naib johan akan di-pegang oleh sekolah2 yang di-bawah ini:

Bahagian "A": Sekolah Me-layu Sultan Muhammad Jamalul Alam — dari July, 1963 hingga Desember, 1963. Sekolah Me-layu Pulau Baru-Baru dari January hingga June, 1963.

Bahagian "B": Sekolah Me-layu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait — dari July hingga Desember, 1963. Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dari January hingga June, 1963.

Jabatan Pelajaran Brunei akan menyampaikan perisai2 rebutan tersebut kapada se-kolah2 yang berkenaan sa-lepas chuti sekolah2 dalam bulan March akan datang.

PERSEKUTUAN MELAYU RAYA

Akan Tetap Ujud Walau Pun.....

- Kata Tengku Abdul Rahman

KUALA LUMPUR. — Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj berkata dalam ucapan bagi menyambut lahir-nya Tahun Baharu 1963, bahawa ancaman dari pihak komunis Indonesia sangat berat sekarang dan kita mesti-lah menghadapi-nya.

Mengenai penderhakaan di-Brunei, Tengku berkata bahawa perhubungan yang selalu diadakan di-antara Partai Komunis Indonesia dengan A. M. Azahari di-Brunei telah me-ujudkan bukti bahawa partai politik Indonesia akan memberi bantuan dan sokongan kepada penderhaka untuk menentang pembentokan Persekutuan Melayu Raya.

Penderhakaan di-Brunei, tegas Tengku, ada-lah penchubaaan fanatik oleh sa-orang manusia

yang ingin berkuasa di-ketiga2 wilayah Borneo tanpa sokongan di-Sabah atau pun di-Sarawak.

Sungguh pun sa-tengah ra'ayat Indonesia telah mengshorkan supaya Malaya menarek balek ranchangan penubohan Persekutuan Melayu Raya, Tengku berkata bahawa ranchangan itu akan tetap di-jalankan sa-bagai mana yang telah di-jadualkan.

Sementara itu Tengku berkata bahawa Persekutuan Melayu Raya akan tetap ujud pada 31 August tahun ini.

"Kelakuan Manusia Saperti IKAN BESAR makan ANAK IKAN, ANAK IKAN makan ANAK UDANG"

- Tegas Inche Lee Kuan Yew

SINGAPURA. — Mengikut satu pepatah tua China, "kelakuan manusia ini ada-lah saperti IKAN BESAR memakan ANAK IKAN dan ANAK IKAN pula memakan ANAK UDANG". Demikian kata Perdana Menteri Singapura, Inche Lee Kuan Yew dalam ucapan beliau bagi menyambut tahun baharu 1963.

Perdana Menteri Lee Kuan Yew berkata bahawa ada-lah menakutkan juga jika kita membandingkan diri kita dengan jiran kita sa-bagai anak ikan.

"Jadi lebeh baik kita mengalu2kan kedatangan ikan besar sa-bagai kawan kita yang chenderong memerhatikan bahawa anak2 ikan itu tidak di-makan oleh ikan2 besar di-Tenggara Asia", kata-nya lagi.

Selanjut-nya Inche Lee berkata bahawa belum pun Irian Barat di-bebaskan dan Persekutuan Melayu Raya di-ujudkan, peristiwa2 telah menunjokkan bahawa negara2 di-Asia ada-lah serupa dengan negara2 di-Eropah, ia-itu semua-nya suka menjadi besar dan penting serta lebeh ma'mor.

GABNOR BORNEO UTARA DI-KURNIAKAN G. C. M. G.

JESSELTON. — Gabnor dan Panglima Tertinggi Borneo Utara, Yang Terutama Sir William Goode telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II dengan Gelaran Kebesaran, "Knight Grand Cross of the Order of Saint Michael and Saint George" (G.C.M.G.).

Gelaran Kebesaran itu telah di-kurniakan oleh Baginda Queen kepada Sir William Goode dalam sinarai kurniaan Gelaran Kebesaran dan Bintang Kehormatan sa-bagai menyambut lahir-nya tahun baharu 1963.

PENDERHAKAN:

14 ORANG DI-SARAWAK DI-TANGKAP

KUCHING. — 13 orang Melayu dan sa-orang Dayak telah di-tangkap dan di-tahan oleh Polis Sarawak di-Kuching dan Sibu baharu2 ini.

Berhubung dengan berita tersebut, sa-orang Juruchapak Polis berkata di-Kuching pada 1 January bahawa orang2 yang di-tahan itu telah berkait dengan "Tentera Nasional Kalimantan Utara".

Pengumuman Kapada Orang2 Yang Maseh Menyimpan Senjata2 Api Dan Peluru2

Barang sesiapa juga yang maseh menyimpan senjata2 api dan peluru2 yang belum di-serahkan, di-minta supaya menyerahkan senjata2 api itu dan peluru2 mereka kapada pihak Polis dengan saberapa segera.

Jika sa-kira-nya di-dapati mereka2 yang menyimpan senjata2 api atau peluru2 enggan menyerahkan-nya kapada pihak yang berkuasa, maka mereka-itu akan di-kenakan hukuman penjara dengan saberat2-nya.

D.Y.M.M. SULTAN PERAK MANGKAT

KUALA KANGSAR.— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Yusof Izuddin Shah ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil telah mangkat di-Istana Iskandariah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak pada pukul 4.12 petang hari Juma'at 4 January, 1963.

Almarhum berusia 72 tahun telah memerintah Negeri Perak Darul Ridzuan selama 15 tahun dengan adil.

Janazah Almarhum telah di-makamkan di-Permakaman Diraja di-Bukit Chandan berhampiran dengan Istana Iskandariah pada petang hari Ahad 6 January.

Kerajaan Negeri Perak telah menetapkan perkabongon di-seluruh Negeri Perak sa-lama 100 hari mulai dari hari Sabtu 5 January, 1963.

BRUNEI BERSEDEH

BANDAR BRUNEI.— Sementara itu atas perentab daripada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Bendera2 Negeri Brunei telah di-kibarkan sa-paroh tiang di-bangunan2 Pejabat2 Kerajaan pada hari Ahad yang lalu sa-bagai menghormati kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak.

WARTAWAN2 PHILIPINA MELAWAT BRUNEI

MANILA. — Empat orang wartawan2 Philipina telah berlepas ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Borneo Utara dari Manila dengan kapal terbang pada 3 January, 1963.

Lawatan mereka itu ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Borneo Utara ia-lah atas jemputan Kerajaan Inggeris.

Penderhakaan Tentera Nasional Kalimantan Utara Telah Kechewa! Keamanan Dan Ketenteraman Di-Seluruh Negara Puleh Sa-Mula!!